

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, January 23, 2020 2:04 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Asasi UUM Raih 4 Pingat Gangsa Kejohanan SAM Ke-3



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 JANUARI 2020 / 27 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Shazwani Shariffudin
Gambar oleh: Pusat Asasi Pengurusan

ASASI UUM RAIH 4 PINGAT GANGSA KEJOHANAN SAM KE-3



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Pusat Asasi Pengurusan berjaya merangkul empat pingat gangsa pada Kejohanan Sukan Asasi Malaysia (SAM) Kali Ke-3 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), baru-baru ini.

Pada kejohanan yang berlangsung selama tiga hari mulai 17 Januari lalu itu, UUM yang diwakili 31 pelajar Program Asasi Pengurusan telah meraih pingat gangsa menerusi acara futsal kategori lelaki dan wanita, sepak takraw dan karom berpasukan, sekali gus meletakkan UUM di tangga ke-9 daripada 13 pusat prauniversiti yang bertanding.

Timbalan Pengarah (Pembangunan Pelajar), Pusat Asasi Pengurusan, Dr. Mohamed Ali Haniffa berkata, beliau bangga dengan pencapaian tersebut kerana walaupun Pusat Asasi Pengurusan UUM hanya mempunyai 204 pelajar berbanding ribuan pelajar di pusat asasi/matrikulasi yang lain, UUM masih mampu menyediakan calon atlet berkualiti sehingga berjaya meraih empat pingat gangsa.

“Semangat juang mereka sangat tinggi, malah tiga orang jurulatih yang juga alumni Asasi Kohort 3 turut berkorban masa dan wang ringgit bagi melatih atlet yang bertanding,” katanya yang juga Ketua Kontinjen ke Kojohan SAM itu.

Atlet, Syafiq Mirza melahirkan kesyukuran kerana pasukannya berjaya mencapai lebih daripada sasaran pingat yang diharapkan.

“Walaupun terikat dengan jadual akademik yang padat, atlet dari Pusat Asasi Pengurusan tetap berlatih bersungguh-sungguh dan menjadi pengalaman bermakna kepada saya dan pasukan, seterusnya menjadi motivasi untuk kami mewakili UUM apabila meneruskan pengajian di peringkat sarjana muda nanti,” katanya.

Pusat Asasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) muncul juara keseluruhan dalam kejohanan tersebut, diikuti tempat kedua oleh Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM) dan tempat ketiga oleh Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Kejohanan SAM anjuran Majlis Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam bertujuan mencungkil bakat-bakat baru bidang kesukanan dalam kalangan pelajar asasi, di samping menjadi wadah pembentukan jaringan persahabatan dalam kalangan warga pusat asasi seluruh negara.

Lebih 700 atlet daripada 13 buah pusat asasi dan matrikulasi UA di Malaysia telah mengambil bahagian, antaranya Pusat Asasi UM, Program ASASlpintar UKM, Pusat Asasi Sains Pertanian UPM, Pusat Asasi UIAM, Pusat Persediaan Sains dan Tekonlogi UMS dan Pusat Tahmidi USIM.

Majlis perasmian disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UNIMAS, Profesor Dr. Ahmad Hata Rasit.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.